

Selasa, 24 Disember 2019 | 11:12am



Gambar fail, Ketua KPDNHEP Bintulu, Salihin Den (tengah) bergambar di hadapan lori tangki yang disita kerana cuba seleweng minyak. - Foto ihsan KPDNHEP Sarawak

Lebih RM2 juta barang dirampas di Bintulu

Oleh Erika George
bhnews@bh.com.my

BINTULU: Sejumlah RM2.18 juta nilai barangan dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Bintulu sepanjang tahun ini atas pelbagai kesalahan perihal dagangan.

Ketua Cawangan KPDNHEP Bintulu, Salihin Den, berkata sepanjang tempoh itu, kementerian turut mengeluarkan kompaun RM58,200 bagi 117 kes yang direkodkan.

Beliau menjelaskan kes tertinggi membabitkan kesalahan pelanggaran Akta Kawalan Bekalan 1961 yang merekodkan 19 kes, dengan nilai barangan dirampas mencecah RM1.89 juta dan kompaun RM31,000.

"Kes kedua tertinggi membabitkan kesalahan di bawah Akta Timbang & Sukat 1972 yang merekodkan 37 kes membabitkan nilai barangan rampasan RM206,125 bersama kompaun RM14,100," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengetuai operasi pemeriksaan dan pematuhan harga barangan terkawal, di sini semalam.

Untuk kes melanggar Akta Perihal Dagangan 2011, beliau berkata, sebanyak 11 kes dilaporkan sehingga kini membabitkan nilai rampasan RM57,298 dan kompaun RM2,900.

“Kesalahan lain pula membabitkan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 sebanyak satu kes membabitkan nilai rampasan RM16,110,” katanya.

Salihin berkata, keseluruhannya 8,758 premis perniagaan di Bintulu diperiksa oleh Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP Bintulu tahun ini.

“Sejumlah 881 premis berada di kawasan pedalaman dan luar bandar. Kita menasihati komuniti peniaga di Bintulu supaya mengelak dari menaikkan harga sewenang-wenangnya di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas bermula 22 hingga 31 Disember ini,” katanya.

Beliau meminta orang ramai melaporkan sebarang kes berkaitan kepenggunaan dengan melayari laman sesawang kementerian di <http://www.kpdnkk.gov.my> atau hubungi talian 086-332 176.



Pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Bintulu menjalankan pemeriksaan harga barangan di sebuah premis perniagaan di Bintulu. - Foto Erika George